

SIMPOSIUM ANTARABANGSA KESELAMATAN 2013

Isu keselamatan masih belenggu Asia-Pasifik

» *Pertumbuhan ekonomi ASEAN jadi tumpuan Amerika, China*

Keselamatan rantau Asia-Pasifik dengan kebangkitan China dan campur tangan Amerika Syarikat (AS) menjadi tumpuan perbincangan Simposium Antarabangsa Keselamatan 2013 yang diadakan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) pada 23 Oktober lalu.

Simposium sehari yang dirasmikan oleh Ketua Turus Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin adalah anjuran bersama IDFR, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kolej Angkatan Tentera Malaysia (MAFDC).

Bertemakan (*Regional Order and Power Dynamics In The Asia Pacific*), mengetengahkan pelbagai isu keselamatan rantau Asia-Pasifik, kebangkitan China sebagai kuasa besar dunia dengan kekuatan ekonominya, keseimbangan kuasa dan campur tangan AS.

Dalam ucapannya, Zulkifeli

berkata, perbincangan menyeluruh mengenai keselamatan Asia-Pasifik perlu melihat isu berbangkit yang dihadapi walaupun kedudukan ekonominya berkembang pesat.

Negara anggota juga perlu melihat kepentingan bersama secara positif di samping turut serta menyelesaikan apa juga isu dan masalah dihadapi.

Kebangkitan China usah dipandang sepi

Kebangkitan China yang dilihat mengemudi Asia tidak boleh dipandang sepi kerana kesannya amat besar kepada negara jiran.

Negara anggota ASEAN juga perlu melihat apakah sebenarnya yang mengganggu keselamatan rakyatnya serta masalah pengaruh baru (bukan tradisi) yang melanda mereka.

Walaupun tidak berlaku peperangan, masih banyak masalah dihadapi yang belum diselesaikan sepenuhnya menyebabkan berlaku ketegangan diplomatik, tiada

ketentuan, masalah semakin rumit dan ini sekali gus menjejaskan keharmonian dan perang dingin.

Perang dingin itu tidak boleh ditekankan terutama dengan pembangunan pesat bidang teknologi tinggi yang turut menyumbang kepada berlakunya hubungan renggang antara negara, manakala sesetengahnya pula mendapat nikmat berlebihan.

Kebangkitan pesat ekonomi Asia-Pasifik itu juga menjadikan satu persaingan hebat antara negara, malah memberi impak besar ke seluruh dunia.

Isu pertindihan

Selain itu, isu pertindihan tuntutan wilayah seperti di Taiwan, Spratly dan Shinkoku berterusan berlaku dan ini boleh mencabar keselamatan serantau.

Sementara itu, Ketua Pengarah Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Datuk Hussin Nayan, berkata lawatan Presiden China, Xi Jinping dan Setiausaha Negara AS, John Kerry dilihat sebagai simbolik akan pentingnya Asia-Pasifik.

Kedua-dua negara kuasa besar ini memandang serius perkembangan terkini di rantau ini dan menunjukkan peranan

ASEAN amat penting dalam semua aspek.

ASEAN juga menjadi kuasa dinamik rantau ini dengan pelbagai agenda, dialog dan forum yang diadakan dari semasa ke semasa.

“Negara anggota juga perlu melihat kepentingan bersama secara positif di samping turut serta menyelesaikan apa juga isu dan masalah dihadapi”

Zulkifeli Mohd Zin
Ketua Turus Angkatan Tentera

China lebih utama keamanan serantau

mahu dicop sebagai menunjukkan kuasa.

Untuk itu, jika ada perselisihan antara negara, China lebih suka memilih penyelesaian secara diplomasi.

Meskipun, China dikatakan sebagai negara nombor satu dari segi ekonomi dunia dan sebagai negara berkuasa besar menyaingi Amerika, semua itu bukan menyebabkan negara itu mahu mendabik dada.

Lebih utama keamanan

Ini kerana bagi China, keamanan serantau perlu diutamakan dan sama sekali menolak peperangan seperti Perang Dunia Pertama dan Kedua yang banyak membawa kehancuran dengan ratusan ribu nyawa terkorban, kata beliau

Menurut Chen, sejarah menjadikan China lebih mengerti dan memahami pentingnya menjaga

keamanan dunia.

“Tidak perlu China menjadi kuasa besar, tetapi rakyat menderita dan kedudukan ekonomi tidak stabil, sekali gus ketinggalan dalam semua bentuk pembangunan. China sama sekali tidak berminat campur tangan melalui ketenteraan di mana-mana negara kerana kehidupan rakyat dan negara lain yang damai menjadi keutamaan.

Malah, China juga tidak mahu rakyatnya menderita akibat peperangan dan pada masa yang sama ia tetap bersikap prihatin ke atas negara jiran. Contohnya, kata beliau, perselisihan faham dengan Jepun mengenai Pulau Shinkoku memperlihatkan China tidak bersikap angkuh dan sombong.

Sebaliknya, ia lebih suka berdiplomasi dan sedaya upaya cuba bersikap memahami apa juga ma-



Antara yang hadir pada **Simposium Antarabangsa Keselamatan 2013** di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), baru-baru ini.

[FOTO KAMARUL IZZAT RAHIM/BH]



Auditorium



Ahli panel dari kiri, Dr Muthiah, Dr Zakaria, Chen dan Dr Nathan pada Simposium Antarabangsa Keselamatan 2013.


salah dihadapi negara jiran dengan lebih terperinci.

Begitu juga dengan pertelingkahan dengan Taiwan yang sudah berkurun lamanya, tiada tindakan ketenteraan diambil selagi proses diplomasi boleh dilaksanakan, katanya.

Chen berkata, China juga mengambil berat bukan tidak peduli mengenai isu terkini khususnya membabitkan masalah serantau seperti perubahan cuaca, keselamatan perairan (maritim) dan masalah pencemaran udara mahupun laut.

Dasar China paling penting ialah memastikan sesama jirannya menikmati hasil kekayaan bersama.

“Jika jiran kita susah, kita perlu bantu supaya sejahtera bersama bukan menjadi negara kaya yang angkuh dan dibenci jiran,” kata Chen.



Keseimbangan kuasa besar dunia penting

Keseimbangan kuasa besar dunia penting bagi memastikan keamanan sejagat, kata Pensyarah Fakulti Sains Kemasyarakatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr K S Nathan.

"Kita tidak mahu ada negara yang bertindak ganas dengan menyerang negara lain sehingga menghancurkannya dan sukar untuk bangkit kembali," katanya.

Keseimbangan kuasa China dan Amerika Syarikat penting di rantau ini supaya tidak wujud negara besar yang cuba meluaskan kuasanya menerusi tindakan ketenteraan seperti yang berlaku di Asia Barat.

Iraq dan Libya, adalah contoh yang perlu dilihat dan diteladani dengan baik kerana walaupun sudah sekian lama melalui tindakan ketenteraan, keamanan sukar diwujudkan kembali. Begitu juga di Afghanistan, seperti tiada noktahnya.

Setiap ketika ada saja kes jenayah dan pengeboman di sana sini menyebabkan kematian ribuan rakyat yang tidak berdosa.

Tindakan China yang tidak berminat mencampuri urusan negara lain, selain meningkat-

kan perdagangan dua hala amat penting bagi menjamin keharmonian rantau ini.

Kerjasama strategik dilihat dari sudut positif


Kerjasama strategik antara Amerika, India dan Indonesia, contohnya perlu dilihat dari sudut positif. Begitu juga kerjasama yang terjalin dengan New Zealand dan Australia menerusi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), berjaya meningkatkan hubungan dagangan secara lebih baik.

Beri peranan penting

Minat yang ditunjukkan Amerika di rantau ini juga perlu dilihat secara positif kerana ia memberi peranan penting dalam usaha memastikan rantau ini kekal aman dan tidak ada negara yang mahu menunjukkan kuasa.

"Kita perlu membuang sikap memandang sinis, syak wasangka, tidak mempercayai, retorik dan memberi pertimbangan sewajarnya demi memastikan hubungan baik terjalin," katanya.

Contohnya, isu Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) perlu ditangani dengan betul supaya Malaysia tidak ketinggalan dalam perdagangan bersama.



Dr K S Nathan

Di samping itu, kestabilan politik dan ekonomi juga memainkan peranan dan Malaysia perlu memastikan imejnya sebagai negara dinamik dan aman damai di mata dunia. Malaysia bukan lagi negara kecil kerana menjelang 2030, rakyatnya dijangka meningkat kepada 38 juta dengan pendapatan negara kasar berjumlah RM920 bilion.

Beliau berkata, imej Malaysia sebagai negara Islam yang sederhana dan maju serta kukuh ekonominya memerlukan strategi perhubungan baik dengan negara jiran. Untuk itu adalah penting rakyat Malaysia berusaha menjamin matlamat negara maju pada 2020 itu berjaya dicapai sepenuhnya.

Kejatuhan ekonomi Amerika jejas kestabilan global

Seorang peserta forum dari Malaysia, Datuk Dr Muthiah Alagappa (gambar), berkata ketika ini Amerika menghadapi masalah ekonomi yang teruk dengan jumlah hutang begitu tinggi.

Wakil dari Institut Kajian Strategik Antarabangsa Malaysia (ISIS) itu berkata, malah baru-baru ini, 800,000 kakitangan negara itu terpaksa diarah bercuti tanpa gaji selama dua minggu akibat masalah kewangan dan peruntukan tidak diluluskan.

Katanya, Amerika juga terpaksa menanggung hutang yang banyak dipinjam dari China sejak sekian lama, menyebabkan campur tangan negara itu ke atas negara lain semakin berkurangan.

Beliau berkata, rakyat Amerika menderita akibat masalah kewangan sejak Barack Obama mengambil alih kuasa presiden daripada George Bush pada 2008 yang meninggalkan pelbagai masalah, khususnya jumlah hutang yang besar akibat campur tangan ketenteraan di negara lain.

Pertumbuhan ekonomi China beri kesan positif

"Adalah lebih baik dinamik dari segi ekonomi daripada mencampuri urusan politik negara lain sehingga ekonomi negara sendiri terjejas teruk. Apa yang penting, pertumbuhan ekonomi China juga memberi kesan positif kepada rantau ini yang turut berkembang maju, malah Asia kini menjadi tumpuan utama pembangunan dunia, bukan lagi Eropah dan Amerika.

Kejatuhan ekonomi Amerika menjejaskan pertumbuhan ekonomi dunia dan rantau ini tidak kurang terpalit, tetapi jika rantau ini bersatu padu dalam meningkatkan ekonomi, kesan itu boleh dikurangkan.

Bagaimanapun, katanya, ada pihak mahu Amerika berperanan lebih aktif di rantau ini bagi memastikan keselamatan dan keamanannya berkekal. Contohnya, masalah perselisihan antara Korea Utara dan Korea Selatan yang tidak berkesudahan sejak sekian lama.

Dekan S Rajaratnam, School

International Studies, Nanyang Technological University, Singapura, Barry Decker pula berpendapat semua pihak perlu menerima hakikat bahawa China kini kuasa besar yang boleh memberi sumbangan besar di rantau ini, malah boleh mengetuainya.

Kebangkitan China sejak 1979 lagi boleh menjadikan negara itu pemain utama dalam menyeimbangkan kuasa di rantau ini.

Ini tidak bermakna China perlu menjadi saingan kepada Amerika mahupun Jepun yang dilihat sudah banyak berubah kerana sejak kekalahan Perang Dunia Kedua pemimpin dan generasi muda negara Matahari Terbit itu lebih berminat kepada memulihkan ekonomi dan sosialnya.

Pengarah Biro Dasar dan Keselamatan Antarabangsa ISIS, Dr Tan Siew Mun berpendapat cabaran perlu dihadapi bersama dalam usaha menjamin keselamatan rantau ini.

Walaupun China tidak menonjolkan fokus pembesaran angkatan tenteranya, negara itu tetap berfungsi penting bagi perediaan perlu dibuat bagi menentang apa juga cabaran mendatang.



SERI INTAN OTHMAN

bhrencana@bh.com.my

Foreign Relations,
irs, Malaysia

